



**LEMBAGA PELABUHAN KELANG**  
(PORT KLANG AUTHORITY)  
Beg Berkunci 202,  
Jalan Pelabuhan Utara,  
42005 Pelabuhan Klang  
SELANGOR DARUL EHSAN, MALAYSIA.

Tel: 603-3168 8211  
Fax: 603-3168 9117  
603-3168 8228  
603-3168 8229  
603-3167 0211

Web:<http://www.pka.gov.my>  
Email:[onestopagency@pka.gov.my](mailto:onestopagency@pka.gov.my)  
ISO 9001:2015 & ISO/IEC 27001:2013

(JAB. ZON BEBAS, JAB. DAGANGAN BERBAHAYA & JAB. TEKNOLOGI MAKLUMAT)

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: JZB/600-2/5 Jld.13 ( 2 )

Tarikh : 13 Jun 2022

Shipping Association Malaysia  
Unit 9-1, Level 9, Tower 8, UOA Business Park  
No.1 Jalan Pengaturcara U1/51A  
40150 Shah Alam

Central Regional Shipping Association  
No.149A-149B, Jalan Raja Muda Musa  
42000 Pelabuhan Klang

Malaysia Shipowners Association  
Blok A2, No 2 A2-3-3 Ayer@8  
Fasa 8C1 Jalan P8G, Presint 8  
62250 Putrajaya

Tuan,

**KEMASUKAN DAGANGAN SISA TAYAR (*SCRAP & SHREDDED TYRE*) DAN  
PAKAIAN TERPAKAI KE PELABUHAN**

Adalah saya dengan hormatnya menarik perhatian pihak tuan kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman, pihak kami telah menjalankan pemeriksaan ke atas kontena berisi dagangan yang tidak dituntut dan diisytiharkan melebihi tempoh 3 bulan di pelabuhan. Pemeriksaan mendapati terdapat dagangan seperti sisa tayar dan pakaian terpakai yang diimport dalam kuantiti yang banyak dan besar kemungkinan ianya adalah sisa buangan yang sengaja ditinggalkan di pelabuhan.

3. Sedia maklum, sisa tayar dan pakaian terpakai adalah dagangan yang sukar untuk dijual/lelong kerana tidak mendapat sambutan dari pembida ketika lelongan dijalankan. Dagangan-dagangan terbabit juga tidak sesuai untuk dilupuskan dengan kaedah ditanam kerana bukan biodegradasi seperti sisa tayar atau pakaian terpakai dari jenis material tertentu. Kaedah pembakaran pula adalah tidak sesuai kerana akan menghasilkan asap tebal dan berbahaya kepada persekitaran.

4. Sehubungan itu, berkuatkuasa mulai dari tarikh surat ini, sekiranya terdapat mana-mana kontena berisi sisa tayar dan/atau pakaian terpakai yang tiba dan ditinggalkan di pelabuhan melebihi tempoh 3 bulan, dagangan terbabit tidak akan melalui proses lelongan dan perlu dihantar semula ke pelabuhan muatan oleh ejen perkapalan yang membawa kontena tersebut ke Pelabuhan Klang.


5. Pohon kerjasama pihak tuan untuk memaklumkan keperluan ini kepada ahli-ahli persatuan masing-masing bagi memastikan kesahihan pengimport dan pengeksport disemak dengan teliti sebelum konsaimen diterima untuk penghantaran.

Sekian, terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(CAPT. K. SUBRAMANIAM)**

Pengurus Besar

Lembaga Pelabuhan Kelang

s.k.:

Ketua Pegawai Eksekutif  
Northport (Malaysia) Bhd  
Jalan Pelabuhan, Pelabuhan Utara  
42000 Pelabuhan Klang

Ketua Pegawai Eksekutif  
Westports Malaysia Sdn Bhd  
P.O.Box 266, Pulau Indah  
42009 Pelabuhan Klang